

11/05/1997

Tiada penipuan dalam pemilihan

KUALA LUMPUR: Panel Pemilih Umno mendapati tiada kes dalam aduan bekas Ketua Pergerakan Pemuda Tan Sri Rahim Tamby Chik mengenai berlakunya penipuan dalam pengiraan undi pemilihan jawatan ketua pemuda Umno tahun lalu.

Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menjawab soalan pemberita selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini semalam berkata aduan mengenai dakwaan itu sudah dikemukakan walaupun secara tekniknya aduan itu melepasi tempoh waktunya.

Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim kemudian menambah bahawa sebarang aduan patut dikemukakan dalam tempoh 10 hari.

"Namun kita masih melihat alasannya dan panel pemilih yang dipengerusikan Tan Sri Mustaffa Jabar menganggap tidak ada kes," kata Anwar.

(END)